

(5) Bagaimana Cara-cara Menguruskan Ikat Jamin?

- a) Ikat jamin akan diproses di pejabat pendaftaran mahkamah yang berkenaan.
- b) Penjamin hendaklah mengemukakan seperti yang berikut:
 - i) Kad pengenalan penjamin; dan
 - ii) Buku akaun simpanan/akaun simpanan tetap bagi tujuan ikat jamin; atau
 - iii) Geran tanah bagi tujuan ikat jamin.
- c) Penjamin dan orang yang dituduh akan diterangkan syarat-syarat ikat jamin oleh Pendaftar/Majistret. Penjamin dan orang yang dituduh akan melaksanakan bon jaminan tersebut.
- d) Penjamin akan diberikan satu surat rujukan dan ia hendaklah disimpan dengan baik untuk apa-apa urusan yang berkaitan dengan ikat jamin tersebut.

(6) Apakah Tanggungjawab Penjamin?

Tanggungjawab utama seorang penjamin ialah menentukan kehadiran tertuduh di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah.


(7) Apakah Risiko Penjamin?

Jika penjamin gagal mematuhi mana-mana syarat jaminan, jaminan boleh dilucutkan oleh mahkamah. Penjamin akan diberi peluang untuk memberi penjelasan mengapa ikat jamin tidak patut dilucutkan oleh mahkamah. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memutuskan samada untuk melucutkan keseluruhan jaminan atau sebahagiannya atau tidak sama sekali.



Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

<http://www.kehakiman.gov.my>



**IKAT JAMIN
MAHKAMAH**

PENAFIAN:

Maklumat di dalam brosur ini bukan merupakan nasihat undang-undang dan hanya merupakan panduan sahaja. Jika anda memerlukan nasihat undang-undang, anda dinasihatkan merujuk kepada peguam.

(1) Apa Itu Ikat Jamin Mahkamah ?

- Pelepasan sementara orang yang dituduh dengan mengemukakan cagaran yang mencukupi dan akujanji penjamin untuk memastikan kehadiran orang yang dituduh pada setiap hari perbicaraan.
- Akujanji yang ditandatangani oleh penjamin dipanggil bon jaminan.
- Syarat-syarat ikat jamin dan jumlah penjamin adalah atas budi bicara mahkamah.

(2) Jenis-jenis Kesalahan Yang Boleh Atau Tidak Boleh Diikat Jamin

a) Kesalahan-kesalahan yang boleh diikat jamin.

Seseorang yang dituduh dengan satu kesalahan di bawah kategori ini adalah berhak untuk dilepaskan dengan ikat jamin. Apabila seseorang itu dituduh di mahkamah, mahkamah akan menentukan jumlah ikat jamin. Sesiapapun boleh menjadi penjamin kepada tertuduh. Jika tiada penjamin, tertuduh akan ditahan di penjara sehingga kes selesai dibicarakan.

b) Kesalahan-kesalahan yang tidak boleh diikat jamin.

Kesalahan yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup adalah merupakan kesalahan yang tidak boleh diikat jamin. Walaubagaimanapun, ikat jamin masih boleh dipohon dan dibenarkan atas budi bicara mahkamah.

c) Kesalahan-kesalahan yang tidak boleh diikat jamin langsung.

Kesalahan-kesalahan seperti:

- kes pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952;
- kes-kes penculikan yang membawa kepada hukuman mati di bawah seksyen 3 Akta Penculikan 1961;
- seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; dan
- kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati dan penjara seumur hidup di bawah seksyen 57 hingga 62 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau kesalahan-kesalahan yang diperakuan oleh Peguam Negara sebagai kesalahan keselamatan di bawah Peraturan 2, Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975,

ikat jamin adalah tidak dibenarkan langsung dan tertuduh hendaklah ditahan di penjara sehingga kes selesai dibicarakan.

(3) Apakah Syarat-syarat Untuk Menjadi Seorang Penjamin?

- Seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);
- Seorang warganegara (jika bukan warganegara ia tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh mahkamah);
- Bagi orang yang dituduh berbangsa asing, penjamin hendaklah seorang warganegara Malaysia;
- Berkemampuan mengemukakan jumlah ikat jamin yang ditetapkan oleh mahkamah;
- Faham semua syarat ikat jamin yang ditetapkan oleh mahkamah;

f) Menandatangani bon jaminan; dan

g) Apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh mahkamah.

(4) Apakah Bentuk-bentuk Cagaran Yang Diterima?

- Akaun Simpanan Tetap; atau
- Akaun Simpanan:

- Tanpa kad ATM, jika ada, kad tersebut hendaklah diserahkan kepada mahkamah.
- Akaun tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain bagi tujuan jaminan sahaja.
- Jumlah yang tertera di dalam buku simpanan mestilah menunjukkan jumlah terkini pada tarikh permohonan ikat jamin dibuat dan jumlahnya hendaklah mencukupi dengan jumlah ikat jamin yang ditawarkan; atau

c) Geran tanah:

- Satu geran tanah hanya boleh digunakan sebagai cagaran bagi satu kes sahaja.
- Geran tanah Lesen Menduduki Sementara (T.O.L.), geran tanah yang ada sekatan, atau yang telah dikaveat tidak boleh diterima.
- Untuk Geran Tanah yang dimiliki secara bersama, semua yang berhak ke atas tanah tersebut hendaklah memberi persetujuan untuk tanah tersebut dijadikan cagaran.
- Laporan penilaian hendaklah dikemukakan untuk mahkamah menentukan nilai tanah dalam geran tanah itu mencukupi seperti jumlah ikat jamin yang ditetapkan.